

AMALAN MISTIK DALAM ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT BAJAU DI KOTA BELUD, SABAH

MYSTICAL PRACTICES IN THE CUSTOMS AND BELIEFS OF THE BAJAU COMMUNITY IN KOTA BELUD, SABAH

Noor Hafizah Dumi¹
Azmin Pullong^{2*}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, (E-mail: n.hafizahdumi@ums.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Tawau, (E-mail: azminpullong@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 9-8-2025
Revised date : 10-8-2025
Accepted date : 1-9-2025
Published date : 5-9-2025

To cite this document:

Dumi, N. H., & Pillong, A. (2025). Amalan mistik dalam adat dan kepercayaan masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 13 - 22.

Abstrak: Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah terkenal sebagai sebuah komuniti yang kaya dengan warisan tradisionalnya. Sokongan dan soladariti masyarakat dalam menjunjung warisan turun temurun perlu dicontohi dalam lanskap komuniti berbudaya. Namun, tidak dinafikan, di sebalik budaya dan adat kepercayaan yang dipertahankan tersebut mengandungi amalan-amalan berbentuk mistik yang kadang kala tampil sebagai kawalan sosial para pendukungnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji bentuk-bentuk amalan mistik masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengaplikasikan kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta) dalam proses pengumpulan data. Kaedah temu bual dilaksanakan bagi informan yang dipilih secara khusus berdasarkan pengetahuan mendalam berkaitan amalan adat masyarakat Bajau Kota Belud. Golongan tua dan ketua adat adalah sasaran dalam mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan. Observasi dilakukan dengan mengadakan diskusi dan persetujuan dengan informan bagi menyertai sesebuah upacara adat yang bakal dilangsungkan. Kajian ini mendapati, terdapat beberapa bentuk amalan mistik yang masih lestari diamalkan sehingga kini. Amalan mistik yang dapat dikesan aplikasinya lebih tertumpu kepada kepercayaan terhadap makhluk supernatural, roh orang yang meninggal dunia, nenek moyang dan pelbagai pantang dalam sesebuah keturunan mistik. Kajian ini memberi gambaran jelas bahawa, amalan mistik masih dijadikan sebagai praktik penting di era moden ini dalam konteks masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah.

Kata Kunci: Mistik, Kepercayaan, Bajau.

Abstract: The Bajau community of Kota Belud, Sabah is known as a community rich in its traditional heritage. The support and support of its community in upholding the heritage from generation to generation should be exemplified in the landscape of a cultured community. However, there is no doubt that behind the culture and customs of the beliefs defended are mystical practices that sometimes appear as social control of their supporters. Therefore, this study aims to study the forms of mystical practices of the Bajau community of Kota Belud, Sabah. This study is qualitative in form which applies interview and observation methods in the

data collection process. The interview method was carried out for informants who were specifically selected based on in-depth knowledge related to the customary practices of the Bajau community of Kota Belud. The elderly and traditional chiefs are the target in obtaining various related information. Observation is carried out by holding discussions and agreements with informants to accompany a traditional ceremony that will be held. This study found that there are several forms of mystical practices that are still practiced today. Mystical practices that can be traced to their application are more focused on beliefs in supernatural beings, spirits of the deceased, ancestors and various abstinences within a mystical lineage. This study gives a clear picture that mystical practices are still used as an important practice in this modern era in the context of the Bajau community of Kota Belud, Sabah.

Keywords: *Mysticism, Belief, Bajau.*

Pengenalan

Amalan mistik di Nusantara merupakan satu fenomena budaya yang telah wujud sejak berzaman dahulu lagi. Ia merangkumi pelbagai praktik, kepercayaan, dan ritual yang berkaitan dengan unsur-unsur spiritual dan *supernatural*. Amalan mistik di Nusantara sering kali dipengaruhi oleh pelbagai agama dan kepercayaan tempatan, termasuk animisme, dinamisme, Hindu, Buddha, dan Islam, menjadikannya satu gabungan yang unik. Kemunculan agama Hindu yang memperkemarkan akidah animisme dan dinamisme menjadi satu tarikan kepada masyarakat pada ketika itu (Pullong, 2020). Situasi ini berlaku lantaran wujudnya persamaan dalam konteks dasar kepercayaan terutamanya berhubung unsur-unsur dewa menghuni alam ini. Kemudian, Islam sebagai agama terkemudian dengan membawa prinsip akidah yang cukup berbeza. Dengan pendekatan pemurnian kepercayaan tradisional dan Islam yang diolah agar mudah untuk diadaptasi dan diterima oleh masyarakat. Kesan positifnya, Islam diterima dan tersebar, namun implikasi pertembungan dan campur aduk antara agama dan kepercayaan tradisional sukar untuk dinoktahkan. Situasi inilah yang memunculkan pelbagai amalan mistik yang berlegar dalam pandang dunia masyarakat Islam. Jika ditelusuri, amalan-amalan mistik yang masih terwaris sehingga kini antaranya amalan spiritual dan keagamaan, perubatan tradisional, amalan kebatinan, ritual dan upacara adat serta ramalan nasib seseorang. Salah satu aspek utama dalam amalan mistik di Nusantara adalah penggunaan medium seperti dukun, bomoh, dan pawang. Mereka dipercayai memiliki kebolehan untuk berkomunikasi dengan dunia ghaib, menyembuhkan penyakit, dan memberikan nasihat kepada masyarakat. Dalam konteks ini, ritual seperti pemujaan kepada roh nenek moyang dan penggunaan jampi serapah amat popular. Amalan ini bukan sahaja dilihat sebagai cara untuk mendapatkan bantuan spiritual, tetapi juga sebagai satu bentuk penjagaan terhadap kesejahteraan komuniti. Di samping itu, unsur-unsur alam sekitar seperti air, batu, dan pokok juga sering dijadikan objek pemujaan. Contohnya, terdapat banyak tempat di Nusantara yang dianggap keramat, di mana masyarakat akan menjalankan upacara tertentu untuk memohon keberkatan. Praktik ini menunjukkan betapa dekatnya hubungan antara masyarakat dengan alam semula jadi, yang dianggap mempunyai jiwa dan kekuatan tersendiri.

Ulasan Kepustakaan

Dalam konteks kajian ini, sorotan yang paparkan difokuskan kepada ulasan dari pelbagai sumber yang membicarakan berkaitan amalan mistik terbabit. Antara kajian yang boleh diketengahkan adalah kajian Ismail & Ismail (2020) yang bertajuk *Unsur-Unsur Mistik Dan Pemujaan Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Pulau Besar Negeri Melaka*. Kajian ini meneliti unsur mistik dan pemujaan di Pulau Besar, Melaka, sebuah tempat bersejarah yang

dikaitkan dengan penyebaran Islam dan dianggap keramat. Ia membincangkan bagaimana amalan seperti berdoa di kubur, gua, dan pokok besar untuk memohon hajat dan penyembuhan masih diamalkan, mencerminkan pengaruh animisme dan Hindu-Buddha yang disesuaikan dengan kedatangan Islam. Selain itu, kajian amalan mistik yang menunjukkan praktis kebatinan yang bersifat positif dapat dilihat dalam kajian Seng & Nugroho (2024) yang bertajuk *Sufism And Islamization in Malaysia- Historical Overview*. Artikel jurnal ini mengkaji bagaimana lanskap agama di rantau ini sebelum proses pengislaman termasuk agama Buddha, Hindu dan Kepercayaan-kepercayaan lain. Ia turut membincangkan peranan Sufisme (Tasawuf), iaitu dimensi mistik dalam Islam, dalam proses pengislaman Malaysia. Ia menyentuh bagaimana Sufisme memudahkan penerimaan Islam dengan mengintegrasikan amalan spiritual tempatan dan menekankan transformasi rohani. Disebutkan beberapa tokoh pendakwah yang bertanggungjawab dalam penyebaran agama Islam antaranya Sheikh al-Rumi, Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Sheikh Ahmad al-Fatani.

Selain itu, kajian mistik yang difokuskan kepada amalan khurafat dalam pengamalan ajaran sesat turut dilakukan. Kajian Salleh et al. (2021) yang bertajuk *Unsur Khurafat dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* tampil membincangkan unsur-unsur khurafat dalam ajaran sesat yang telah diwartakan pengharamannya di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap fatwa-fatwa yang telah diwartakan sebagai ajaran sesat di Malaysia. Kajian ini mendapati, isu utama pengharaman sesebuah ajaran sesat yang diwartakan adalah kewujudan unsur khurafat yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.

Demikian amalan mistik yang berkaitan dengan perbomohan, antara penyelidikan yang boleh diketengahkan adalah kajian Nasir, et al. (2022) yang bertajuk *Praktis Shamanism dalam kalangan Etnik Beragama Islam di Pitas, Sabah: Penilaian Menurut Perspektif Islam*. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk amalan dan kepercayaan yang dikaitkan dengan aktiviti perbomohan, pawang dan anasir-anasir ghaib dan *supernatural* dalam komuniti Muslim di Pitas Sabah. Kajian ini mendapati, segelintir masyarakat Muslim di Pitas, Sabah masih memparktikkan amalan mistik yang diklasifikasikan sebagai khurafat dan tahayul seperti pemujaan, *black magic* dan sebagainya.

Kajian berkaitan kepercayaan kuasa ghaib atau makhluk *supernatural* turut dilakukan. Kajian Nasir et al. (2019) yang bertajuk *Mitologi tentang Makhluk Supernatural dalam kalangan Etnik di daerah Pitas, Sabah: Tinjauan Menurut Perspektif Islam* memaparkan bagaimana masyarakat Muslim di Pitas Sabah berinteraksi dengan makhluk *supernatural* dalam aspek kehidupan mereka. Dalam kajian ini, didapati masyarakat Muslim di Pitas, Sabah masih bergelumang dengan akidah mistik berkaitan makhluk ghaib. Sekaligus terlibat dengan pelbagai salah laku dalam agama termasuklah syirik, khurafat dan tahayul. Dalam hal ini, perhatian perlu diberikan secara serius terutamanya oleh kelompok berautoriti seperti jabatan agama dan para pendakwah.

Perbincangan

Masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah dikenal sebagai sebuah kelompok yang kaya dengan warisan tradisional yang dikaitkan dengan kepercayaan mistik. Sebelum perbincangan lebih mendalam, perlu dijelaskan bahawa amalan-amalan yang akan dipaparkan adalah berhubung dengan amalan mistik dalam kitaran hidup manusia iaitu adat kelahiran, perkahwinan dan kematian. Perbincangan difokuskan kepada kepercayaan mistik yang dikaitkan dengan kuasa

makhluk *supernatural*, roh nenek moyang, saka keturunan dan roh orang yang meninggal dunia. Perinciannya dihuraikan pada bahagian seterusnya.

Adat *Nimbang* (Menimbang Anak)

Dalam konteks pengamalan mistik dalam adat kelahiran, adat *nimbang* merupakan amalan umum diketahui oleh masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Amalan *nimbang* dilaksanakan apabila seorang bayi dilahirkan pada bulan Muharam atau Safar. Dalam kepercayaan tradisional Bajau, dua bulan ini diyakini sebagai bulan yang banyak berlakunya musibah. Kelompok tradisional Bajau menyifatkan bahawa bulan Muharam dan Safar sebagai bulan yang perlu dihormati, dirai dan disambut ketibaannya. Kemalangan, musibah dan bala dipercayai datang daripada kemarahan dan kemurkaan makhluk *supernatural* yang menghuni alam ini. Terdapat keyakinan bahawa bulan Muharam dan Safar dianggap sial sejak dari zaman Arab Jahiliyah. Dikatakan pada hari Rabu terakhir dalam bulan Safar diturunkan sebanyak tiga ratus dua puluh ribu jenis musibah kepada manusia (Siti Faridah & Mubarak, 2012).

Oleh itu, sebarang urusan yang tidak mendesak digalakkan hanya berada di rumah terutama pada hari tersebut yang dianggap sangat panas bahang musibahnya (Alawiyah, 2023). Atas justifikasi ini, bayi yang dilahirkan pada dua bulan terbabit perlu ditimbang bagi mengelak sebarang musibah berlaku pada dirinya mahupun keluarganya. Seandainya amalan *nimbang* diabaikan, dibimbangi bayi akan membesar dengan perwatakan yang kasar, tidak hormat kepada ibu bapa dan sering kali ditimpa musibah (Adam et al., 2023). Terdapat juga kepercayaan jika anak terbabit tidak ditimbang, lazimnya akan memiliki tabiat yang buruk dan dibimbangi akan merosakkan kehidupannya di kemudian hari (Syahrani & Nurhasanah, 2018). Jika ditelusuri secara halus, adat *nimbang* bukanlah amalan eksklusif masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Ia turut di amalkan oleh beberapa suku lain antaranya Suluk, Bugis dan Bajau Ubian.

Dari sudut pelaksanaannya, ia boleh dilangsungkan pada bila-bila masa sahaja. Sebaiknya dipercepatkan iaitu pada bulan berikutnya iaitu bulan Rabiul Awal. Lazimnya adat *nimbang* akan dilangsungkan pada sebelah petang. Sebaiknya dilakukan pada hari Jumaat selepas waktu Asar. Pemilihan hari Jumaat berdasarkan kelebihannya sebagai penghulu segala hari. Selepas waktu Asar lebih sesuai untuk berkumpul seusai melaksanakan aktiviti harian masing-masing (Syahrani & Nurhasanah, 2018). Pelaksanaannya memerlukan peralatan khusus, seperti sebatang buluh berukuran 6 kaki, tali sepanjang 5 kaki dan dua kain sarung (pelikat). Tali perlu diikat kukuh pada siling rumah, kemudian diikat di bahagian tengah buluh yang dibentuk seperti dacing. Kemudian digantungkan kain pelikat di bahagian hujung kedua-dua belah buluh sehingga membentuk satu set timbangan. Ritual *nimbang* akan dimulakan dengan memasukkan bayi ke dalam kain pelikat sebelah kanan.

Terdapat juga pelaksanaan *nimbang* yang memasukkan anak bersama ibunya ke dalam timbangan. Hal ini dilakukan apabila berlaku sebarang komplikasi semasa melahirkan bayinya, seperti pembedahan dan sebagainya. Kemudian, kain pelikat sebelah kiri pula akan diisi dengan pelbagai jenis makanan, antaranya beras, dua atau tiga biji kelapa, kayu api, minyak masak dan bungkusan makanan yang telah siap dimasak. Secara adatnya, muatan dalam kedua-dua kain pelikat perlulah diseimbangkan. Apabila mendapat keseimbangan yang baik, batang buluh akan dipusingkan secara perlahan-lahan sebanyak tujuh kali pusingan. Setiap pusingan diiringi dengan alunan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Terdapat juga pelaksanaan *nimbang* yang berbeza bilangan pusingannya. Bilangan pusingan adalah bergantung kepada tahap kepanasan dan nahas bulan tersebut.

Bayi yang lahir pada bulan Muharam dipusing dua kali pusingan. Manakala bayi yang lahir pada bulan Safar memadai hanya sekali pusingan. Menurut kepercayaan masyarakat tradisional Bajau, bulan Muharam lebih panas berbanding bulan Safar. Dalam kepercayaan Bajau, bermula 1 sehingga 10 haribulan Muharam merupakan hari yang paling tinggi tahap nahasnya berbanding bulan Safar, hanya tiga hari, iaitu 1 sehingga 3 hari bulan Safar. Oleh yang demikian, hari-hari tersebut perlu dijaga dan dihormati sebaik mungkin (Musib, 2016). Seusai membuat pusingan dan alunan selawat, ritual ini diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh *fakir* (ketua adat). Satu keunikan dalam adat *nimbang* ialah menuntut amalan bersedekah. Semua peralatan yang digunakan (tali, buluh, minyak masak, kayu api, kelapa, kain pelikat dan makanan yang telah dimasak) perlu disedekahkan kepada tetamu yang hadir. Masyarakat Bajau mempercayai, peralatan yang digunakan dalam upacara *nimbang* tidak sepatutnya berada di rumah kerana dikhuatiri boleh membawa musibah kepada bayi dan keluarganya.

Dengan tindakan ini, bayi dan keluarga serta kediaman mereka bebas daripada ancaman bulan-bulan nahas. Dalam pada itu, tindakan tersebut merupakan usaha mereka dalam memujuk dan meraikan makhluk *supernatural* agar tidak memberikan sebarang pengaruh buruk kepada manusia. (Ibin, 2016). Amalan menimbang anak bukan suatu adat eksklusif masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Ia turut diamalkan oleh beberapa kelompok etnik yang lain. Tujuannya adalah sama dan mungkin perbezaannya hanya pada aspek pelaksanaan. Meneliti adat kelahiran masyarakat Kedayan, anak yang dilahirkan pada bulan Safar perlu dilakukan adat menimbang bayi menggunakan peralatan tertentu seperti kayu, tali, bahan makanan seperti buah pisang, kelapa dan sebagainya (Damit et al., 2018). Masyarakat Bajau Ubian di Pantai Timur Sabah turut mengamalkan adat *nimbang* dalam bentuk berbeza. Menimbang anak dengan tujuan tanda kesyukuran apabila melepasi atau terselamat dari suatu musibah misalnya kemalangan (Salleh, 2023).

Adat Kindangan

Komuniti Bajau di Kota Belud, Sabah turut mengamalkan adat perkahwinan yang lazim diamalkan oleh masyarakat Melayu. Namun, terdapat sebahagian masyarakat Bajau yang mengamalkan amalan adat bersifat eksklusif yang didorong unsur kepercayaan mistik. Pengamalan adat *kindangan* secara lestari dan konsisten lahir daripada tuntutan kepercayaan yang tampil sebagai pengawal sosial mereka. Adat *kindangan* didukung oleh kelompok Bajau tertentu sahaja yang dipegang dan diwarisi sejak turun temurun. Mereka yang berketurunan *kindangan* boleh diketahui dengan memerhatikan pelaksanaan adat perkahwinan mereka. Ini kerana umum diketahui, pemindahan dan pelestarian sesebuah adat mahupun kesinambungan keturunan dihubungkan menerusi perkahwinan. Menurut Jamli (2016), adat *kindangan* yang didukungnya perlu dijaga sebaik mungkin. Ia seolahnya menjadi pengawal sosial dalam keturunannya sejak dahulu lagi.

Terdapat pelbagai adat dan pantang larang yang perlu dipatuhi dalam menjamin kehidupan yang baik. Pengabaian terhadap pengamalan adat *kindangan* bakal menatijahkan pelbagai kesan yang buruk terhadap generasinya. Menurut Majin (2016), bahawa pengabaian mahupun pelanggaran pantang larang adat *kindangan* adalah seperti sakit yang berpanjangan, ketumbuhan atau benjolan mendadak di bahagian kepala dan kematian. Seperti yang dibicarakan sebelum ini, pendukung adat *kindangan* diketahui menerusi adat perkahwinan mereka. Terdapat dua adat dasar yang perlu dipegang oleh mereka yang berketurunan *kindangan* semasa upacara perkahwinan dilangsungkan iaitu ritual *ngera*’ dan *tinggayun*.

Ritual Ngera'

Bagi mereka yang berketurunan *kindangan*, implamentasi adat *ngera'* perlu diambil perhatian serius khususnya bagi yang bakal mendirikan rumah tangga. Perkahwinan diibaratkan sebagai dasar pemindahan adat *kindangan* dari generasi ke generasi. Pelaksanaannya perlu dipatuhi sebaik mungkin agar tidak wujud sebarang mudarat di kemudian hari. Secara terperinci, ritual *ngera'* adalah satu upacara memijakkan kaki ke dalam talam yang berisi darah ayam. Ritual ini memerlukan beberapa peralatan khusus iaitu talam tembaga, parang, darah ayam, tebu manis dan beras kuning. Ritual dimulakan dengan proses penyembelihan ayam dan darahnya perlu ditadahkan ke dalam talam tembaga. Pengantin perlu memijakkan kaki ke dalam talam tembaga dan melumurkannya sehingga ke bahagian buku lali. Pengantin yang membawa adat perlu memijakkan kaki terlebih dahulu dan diikuti pasangannya. Tebu manis perlu dimakan sebagai simbolik kehidupan rumah tangga yang rukun dan damai. Beras kuning akan ditaburkan diakhir upacara sebagai tanda kesyukuran. Menurut Muhammad (2017), ritual ini perlu dilakukan secara tertib dan mengikut adat-adabnya. Pantang larang semasa ritual berlangsung menuntut pasangan pengantin untuk diam tanpa sebarang kata-kata negatif bagi mengelak sebarang perkara buruk berlaku.

Ritual Tinggayun

Seusai ritual *ngera'*, upacara *tinggayun* akan dilangsungkan. Ritual ini memiliki falsafah yang sama dengan pengamalan ritual *ngera'*. Pelaksanaannya juga adalah simbolik kesinambungan keturunan *kindangan* agar sentiasa lestari secara konsisten. Pengabaian dan pengingkarnya bakal menatijahkan bahana buruk kepada pengantin mahupun anak-anak mereka. Secara terperinci, *tinggayun* adalah lagu berbentuk pantun yang memerlukan pengantin berpusing beberapa kali diiringi pengendali adat dan para tetamu yang hadir. Jumlah pusingan perlulah ganjil sama ada tiga, lima atau tujuh kali pusingan mengikut kelaziman pengendali adat.

Lagu *tinggayun* dinyanyikan dalam bahasa Bajau yang lengkap dengan pembahagian lirik untuk lelaki dan perempuan. Menurut Musib (2016), setiap kelompok yang berketurunan *kindangan* memiliki seni kata *tinggayun* yang berbeza-beza. Terdapat lirik yang terlalu panjang dan perlu diulang beberapa kali dan ada juga terlalu ringkas bergantung kepada tuntutan adat *kindangan* mereka. Pelaksanaan *tinggayun* dilihat seolah-olah upacara santai, namun di sebalik pengamalannya menyimpan makna implisit kepada kelangsungan keturunan *kindangan*. Lazimnya, jika pengantin lelaki sebagai pembawa adat *kindangan*, maka pelaksanaan *tinggayun* dilangsungkan pada hari persandingan pihak lelaki dan demikian sebaliknya.

Pantang Larang Kindangan

Adat *kindangan* turut mempengaruhi kehidupan seharian generasi pendukungnya. Ia tampil sebagai kawalan sosial dalam menjamin kehidupan yang harmoni. Pelbagai pantang larang yang semestinya diambil perhatian serius terutamanya dalam konteks hubungan kekeluargaan. Tutur kata mahupun perilaku perlu dijaga sebaik mungkin. Suami sebagai ketua keluarga dilarang tegas bertindak kasar apatah lagi mencederakan isteri dan anak-anaknya. Situasi ini boleh mengakibatkan kesan buruk kepada mereka. Lazimnya, kesan dari tindakan suami adalah isteri atau anak-anak akan ditimpa sakit yang sukar untuk dirawat.

Namun, mereka sedia maklum, andai situasi ini berlaku, rawatannya perlu menggunakan seekor ayam. Tindakan ini dipanggil sebagai *ra'*. Seandainya *ra'* tidak dilaksanakan, dipercayai sakit yang dihadapi sukar untuk sembuh. Menariknya, setelah *ra'* dilakukan, sakit akan beransur pulih dan sembuh. Menurut Musib (2016), mereka yang berketurunan *kindangan* perlu mengelak bahagian tubuh terutamanya kepala dilintasi atau dilangkah ayam. Misalnya,

seseorang sedang berbaring di dalam rumah dan tanpa disedari ayam terbang melintasi bahagian kepala, lazimnya ia akan jatuh sakit dan sukar untuk sembuh.

Jika terdapat tetamu yang bertandang ke rumah dan secara kebetulan tuan rumah sedang menjamu selera, maka ia perlu melemparkan secebis makanannya kepada tetamu. Andai tindakan ini tidak dilakukan, dibimbangi tuan rumah akan jatuh sakit. Demikian juga jika suami atau isteri yang membawa bayi kecil bertamu ke rumah saudara mara, mereka perlu memberikan sedikit sagu hati kepada bayi kecil tersebut. Seandainya tidak, lazimnya anak tersebut akan jatuh sakit. Kaedah rawatan penyembuhan bagi sakit yang disebabkan pelanggaran pantang larang *kindangan* adalah menerusi perubatan tradisional Bajau iaitu *sagsag* atau *nelus*. Kaedah ini lazimnya digunakan bagi merawat penyakit bawaan makhluk halus. Bagi mereka yang berketurunan *kindangan*, kaedah rawatan perlu menggunakan darah ayam sebagai medium penyembuhan (Musib, 2016).

Pesuk

Amalan mistik turut dikesan dalam pengamalan adat kematian masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Umumnya, kematian sememangnya mengundang kesedihan khususnya para waris. Ini menjadi titik permulaan perpisahan si mati dengan para warisnya. Sebagai lambang kasih sayang dan penghormatan terakhir, masyarakat Bajau mengamalkan upacara khusus yang dipanggil adat *pesuk*. Secara terperinci, *pesuk* merupakan perbuatan melintas di bawah keranda yang perlu dilakukan oleh seluruh waris si mati. Lazimnya, ia dilaksanakan di halaman rumah ketika jenazah hendak diusung ke pusara. *Pesuk* dilakukan secara berulang-ulang sama ada tiga atau tujuh kali bergantung kepada kelaziman yang dilakukan oleh pengendali adat.

Menurut kepercayaan Bajau, *pesuk* dilaksanakan sebagai penghormatan terakhir dan cara mereka membuktikan kasih sayang kepada si mati. Selain itu, pelaksanaannya perlu bagi mengelakkan gangguan roh si mati terhadap para warisnya (Simbol, 2016). Sakit kepala, dada dan muntah-muntah antara bahana gangguan roh (badi) yang diistilahkan sebagai 'keteguran.' Selain *pesuk*, terdapat segelintir masyarakat Bajau yang mengamalkan nyanyian lagu berbentuk syair dan melontar gumpalan tanah serta ranting kayu ke dalam kubur sebagai isyarat penghormatan terakhir kepada si mati (Yakin, 2013).

Dari perspektif lain, pengamalan adat *pesuk* tampil sebagai medium pengenalan para waris si mati. Bagi mereka, ia penting atas pelbagai urusan terutamanya yang melibatkan sumbangan dan hutang piutang si mati (Sabdani, 2017). Berdasarkan penelitian pengkaji, pengamalan adat *pesuk* bukan sahaja dilaksanakan oleh kelompok Bajau Kota Belud sahaja, ia turut diamalkan oleh kelompok Bajau Ubian di Semporna dan Kunak, Sabah. Selain komuniti Bajau, *pesuk* turut diamalkan oleh beberapa kaum di Sabah iaitu Bisaya, Iranun dan Idahan (Mahali, 2012). Di kepulauan Jawa, amalan ini dikenali sebagai adat *broboson*, *menyuwok* dan *ngolong*. Bentuk dan tujuan pelaksanaannya adalah sama dengan adat *pesuk* dalam masyarakat Bajau. Maknanya, pengamalan adat *pesuk* bukanlah adat eksklusif masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Ia tampil sebagai amalan sejagat yang dikongsi bersama hasil asimilasi antara budaya di rantau Nusantara.

Guris dan Perabun

Amalan mistik yang melibatkan penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai pendinding turut dikesan dalam adat kematian Bajau. Walaupun telah menuju alam abadi, penjagaan terhadap jasad si mati amatlah diambil perhatian oleh kelompok Bajau Kota Belud, Sabah. Penjagaan ini melibatkan pengawasan pusara menerusi medium ayat-ayat al-Quran yang diyakini mampu menutup penglihatan makhluk jahat (manusia, jin, iblis dan binatang buas) daripada

mengganggu dan mengambil jenazah dari persemadian terutamanya kawasan perkuburan yang jauh daripada perhatian orang ramai. Amalan ini dikenali sebagai adat memasang *guris* dan *perabun*. Menurut informan, *guris* dan *perabun* dipercayai mampu menghindarkan pelbagai gangguan.

Gangguan manusia datang dari mereka yang mengamalkan ilmu magis dengan mengambil anggota badan tertentu mahupun kain kapan jenazah (Pullong, 2020). Gangguan jin dan iblis pula datangnya menerusi serangan *mangat/balan-balan* (saka belaan) dan *kangkang laut* (jin laut yang memakan jasad manusia). Secara terperinci, *guris* merupakan lakaran garis mengelilingi pusara berbentuk segi empat tepat menggunakan ranting kayu kecil. Setiap kali melakarkan garisan perlu disertakan dengan bacaan ayat al-Quran yang diyakini fungsinya sebagai pendinding. Terdapat dua jenis *guris* yang sering kali digunakan oleh pengendali adat iaitu *guris ayat fadamdama* dan *guris ayat sembilan*.

Guris fadamdama menggunakan ayat al-Quran surah al-Shams ayat 14 dan *guris ayat sembilan* pula menggunakan ayat 9 surah Yasin. Kayu kecil yang digunakan untuk melakar garis perlu ditimbus dengan tanah di atas pusara. Sebagaimana *guris*, *perabun* juga dipercayai mempunyai fungsi yang sama iaitu sebagai pendinding pusara. *Perabun* yang sering kali digunakan oleh pengendali adat iaitu *perabun simpul lapan*. Pemasangan *perabun* ini amat mudah dan cepat yang hanya memerlukan potongan kain kapan yang disimpul membentuk nombor 8 sambil dibacakan dengan ayat 14 surah al-Shams dan surah Yasin ayat 9. Kain *simpul lapan* ini juga perlu ditimbus di atas pusara (Sabdani, 2017).

Bangkai-Bangkaian

Amalan mistik turut dikesan dalam ada kematian iaitu *bangkai-bangkaian*. Implimentasi adat *bangkai-bangkaian* tampil sebagai simbol kepercayaan kepada perjalanan roh selepas kematian. Penyediaan *bangkai-bangkaian* menyimpan pelbagai makna dan tujuan. Secara adatnya, selepas proses pengebumian di pusara, para waris lazimnya akan menyediakan *bangkai-bangkaian* di kawasan ruang tamu rumah. Secara fizikalnya, *bangkai-bangkaian* merupakan set tempat tidur yang menyediakan tilam, bantal, pakaian-pakaian si mati semasa hayatnya. Turut disediakan beberapa naskah al-Quran, sejadah dan sebuah cermin muka. Menurut kepercayaan Bajau, roh si mati akan datang berkunjung ke rumah untuk menjenguk keluarganya. Pintu-pintu rumah dan tingkap perlu sentiasa dibuka bagi memudahkan roh bertandang (Akim, 2016).

Dengan pegangan inilah *bangkai-bangkaian* perlu disediakan bagi memberi ruang kepada roh untuk berehat dan sebagainya. Roh dikatakan berlegar-legar di kawasan rumah selama 44 hari sebelum lenyap bersama angin. Hamparan *bangkai-bangkaian* juga dikatakan sebagai tanda kasih sayang para waris terhadap si mati. Roh dipercayai berasa sedih seandainya *bangkai-bangkaian* tidak disediakan. Menurut informan, *bangkai-bangkaian* perlu dijaga sebaiknya selama tujuh hari tujuh malam. penjagaan ini perlu bagi menghindarkan pelbagai gangguan terutamanya *mangat* dan *balan-balan*. Masyarakat tradisional Bajau percaya bahawa makhluk ini mampu memberi pengaruh jahat kepada jenazah di dalam kubur seandainya ia berjaya menghampiri *bangkai-bangkaian*. Cermin muka yang diletakkan pada *bangkai-bangkaian* bertujuan menakutkan makhluk berkenaan apabila terpandang wajahnya sendiri (Limin, 2016). Hamparan ini akan dibuka selepas 7, 20 atau 40 hari bergantung kepada pengendali adat. Kelengkapan *bangkai-bangkaian* perlu disedekahkan kepada ahli keluarga dan mereka yang memerlukan. Dari sudut yang lain, penyediaan *bangkai-bangkaian* tampil sebagai isyarat adanya kematian. Seandainya terdapat tetamu bertandang ke rumah, mereka akan maklum

hakikat tersebut sekali gus menjaga adab-adab yang sepatutnya. Berdasarkan penelitian pengkaji, pengamalan *bangkai-bangkaian* bukanlah eksklusif bagi masyarakat Bajau Kota Belud sahaja. Ia turut diamalkan oleh beberapa masyarakat lain di Sabah antaranya suku kaum Bisaya, Idahan dan Bajau Ubian (Yakin, 2013).

Penutup

Sebagai sebuah masyarakat berbudaya, menjadi tanggungjawab untuk melestarikan sesebuah tradisi warisan agar tampil sebagai tatapan generasi akan datang. Hasil penelitian pengkaji, masyarakat Bajau Kota Belud tampil sebagai sebuah kelompok yang tegar dalam memelihara adat dan budaya mereka. Ketua Anak Negeri yang dilantik disifatkan sebagai pakar rujuk berkaitan adat dan kepercayaan Bajau. Namun, sebagai sebuah kelompok yang beragama dan menjunjung Islam sebagai anutan, perlunya kepada sikap berhati-hati dalam menanggapi sebarang pengamalan sesebuah adat dan kepercayaan agar tidak merosakkan akidah. Penguasaan ilmu agama perlu diterapkan dalam setiap anggota masyarakat bagi menjamin kejernihan akidah komuniti Bajau. Hal ini kerana, Implimentasi amalan mistik dalam adat dan kepercayaan berbaur kekeliruan sama ada dibolehkan dalam agama atau mempunyai percanggahan yang jelas dengan syariat Islam. Hasil penelitian pengkaji, terdapat banyak kajian dan penulisan akademik yang mengetengahkan isu keabsahan amalan adat dan kepercayaan masyarakat Bajau dari perspektif Islam. Apa yang perlu dilakukan adalah memperluaskan pengetahuan berkaitan bagi menangkis sebarang amalan yang bercanggah dengan Islam.

Rujukan

- Adam, S. S., Muis, A. R. A. M., Hajimin, M N. H.H., Marinsah, S. A. M., Mokhtar, S. (2023). Kelangsungan Adat Bertimbang Komuniti Bajau Kampung Bolong, Tuaran. *International Journal of Law, Government and Communication*. Vol. 8. 32. 444-459.
- Ahmad, A. S. (1990). *Siri Bunga Rampai Kebudayaan Malaysia: Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Alawiah, H. (2023). Upacara Batimbang Anak yang Lahir di Bulan Safar Sebagai Sumber Pelajaran IPS. *Seri Publikasi Pembelajaran*. Vol. 1. No. 1. 1-14.
- Damit, S. A., Mokhtar, R. A. M., Mohad, A. H. (2018). Norma dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan di Sipitang, Sabah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue. 127-145.
- Faridah, S & Mubarak (2012). Kepercayaan Masyarakat Banjar Terhadap Bulan Safar: Satu Tinjauan Psikologis. *AL-BANJARI*. Vol. 11, No 1. 77-92.
- Ghazali, M. R. (2015). Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Berfatwa di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 7-32.
- Ibin. (2016). Adat Kelahiran Masyarakat Bajau, Kota Belud, Sabah. 15 April 2016.
- Ismail, S. & Ismail, M. S. I. (2020). Unsur-Unsur Mistik dan Pemujaan dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Pulau Besar Negeri Melaka. *Jurnal Melayu*. Bil. 19 (2). 254-269.
- Limin. (2016). Adat Kelahiran Masyarakat Bajau, Kota Belud, Sabah 18 April 2016.
- Majin. (2016). Adat Kelahiran Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. 19 April 2016.
- Muhammad, S. (2017) Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. 70 Tahun Kota Belud. Temu bual, 5 Mac.
- Musib, A. (2016) *Adat Kelahiran Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. Kota Belud. Temu bual, 14 Mei.
- Musib, A. (2016) Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. 60 tahun. Kota Belud. Temu bual, 14 Mei.
- Nasir, K, KZ. R & Mamat, S. (2019) *Mitologi tentang Makhhluk Supernatural dalam kalangan Etnik di daerah Pitas, Sabah: Tinjauan Menurut Perspektif Islam*.

- Nasir, K, Zaman, R. K, Azib, M. A. A & Hussain, A. A. (2022) yang bertajuk *Praktis Shamanism dalam kalangan Etnik Beragama Islam di Pitas, Sabah: Penilaian Menurut Perspektif Islam*. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*. Vol. 8 (2): 11. 177-194.
- Pullong, A. (2020). *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu.
- Sabdani. (2017). *Adat Kelahiran Masyarakat Bajau*, Kota Belud, Sabah. 5 Mac 2017.
- Salleh, G. (2018). *Adat Kelahiran Masyarakat Bajau*. 20 Oktober 2018.
- Salleh, M. K. M, Manafi, M. F. A & Safwan, M. A. (2021) yang bertajuk *Unsur Khurafat dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. *Journal of Fatwa Management and Research: Special Edition 2021*. Vol. 26 No.2. 144-157.
- Seng, T. A. Nogroho, W. (2024). *Sufism And Islamization in Malaysia- Historical Overview*. *Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 8(2), 55-78.
- Simbol. S. (2016). *Adat Kelahiran Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 18 April 2016.
- Syahrar, M. & Nurhasanah. (2018). *Makna Upacara Batimbang dalam Tradisi Masyarakat Suku Banjar Kuala Tungkal, Provinsi Jambi*. *Khazanah*. Vol. 16 (2). 249-276).
- Yakin, H. S. M. (2013). *Semiotik Dalam Kematian Bajau, Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Zaini, J. (2017) *Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 68 Tahun. Kota Belud. Temu bual, 10 Januari.